



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA


Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (34)
Tarikh : 23 Ogos 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 32/2021 (8 Ogos hingga 14 Ogos 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA


(Bagi Minggu 32/2021 dari 8 Ogos hingga 14 Ogos 2021)

Pada minggu ke-32, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 88 kes (17.3%), menjadikan jumlah kes 420 berbanding 508 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-32. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 17,122 kes berbanding 66,199 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 74.1% (49,077 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 10 kematian berbanding 109 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 99 kematian (90.8%) **(Lampiran A & C)**. Jumlah lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ke-32 adalah sama seperti minggu sebelumnya, iaitu 16 lokaliti. Sebanyak 14 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan dua (2) lokaliti hotspot berada di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 12 kes pada minggu ke-32 yang mana tujuh (7) kes dari WPKL & Putrajaya, dua (2) kes dari Kelantan dan masing-masing satu (1) kes dari Pulau Pinang, Selangor serta Melaka. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 897 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,010 sampel darah dan 26 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu amat penting bagi memutuskan rantai hidup nyamuk Aedes yang mengambil masa tujuh (7) hari dari nyamuk bertelur hingga menjadi dewasa. Setiap lapisan anggota masyarakat perlu pastikan bekas yang berpotensi menampung air disimpan dalam keadaan kering atau dilupuskan secara berhemah. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di bekas takungan air seperti pam tandas, palung air hujan, dahan dan tunggul pokok atau struktur kekal seperti kolam hiasan untuk memutuskan rantai hidup nyamuk pada fasa jentik-jentik (larva dan pupa).


Nyamuk Aedes dewasa yang mungkin membawa virus Denggi pula dapat dihapuskan dengan melakukan semburan aerosol di ruangan tertutup atau di tempat tersembunyi contohnya di bawah perabot, belakang pintu atau di belakang langsir. Pastikan persekitaran kita selamat dari ancaman gigitan Aedes. Ambil peduli, Demam Denggi tidak mengenal mangsa. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
25 Ogos 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 31 dan ke- 32 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 31 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-32 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 32/2021
(8 Ogos hingga 14 Ogos 2021)**

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan | | | | Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 32/2021 | | Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 32/2020 | |
|------|-------------------|---|----------|----------------------------------|----------|--|-----------|--|------------|
| | | Minggu 32 (8 Ogos – 14 Ogos 2021) | | Minggu 31 (1 Ogos – 7 Ogos 2021) | | Kes | Mati | Kes | Mati |
| | | Kes | Mati | Kes | Mati | | | | |
| 1 | Perlis | 0 | 0 | 1 | 0 | 16 | 0 | 53 | 0 |
| 2 | Kedah | 10 | 0 | 7 | 0 | 360 | 0 | 608 | 0 |
| 3 | P. Pinang | 11 | 0 | 7 | 0 | 282 | 0 | 695 | 2 |
| 4 | Perak | 14 | 0 | 11 | 0 | 405 | 1 | 2,233 | 3 |
| 5 | Selangor | 254 | 0 | 301 | 0 | 10,018 | 2 | 34,736 | 33 |
| 6 | WP KL & Putrajaya | 54 | 0 | 72 | 0 | 2,023 | 1 | 7,628 | 6 |
| 7 | N. Sembilan | 7 | 0 | 5 | 0 | 389 | 1 | 1,980 | 7 |
| 8 | Melaka | 6 | 0 | 12 | 0 | 447 | 0 | 1,637 | 5 |
| 9 | Johor | 20 | 0 | 28 | 0 | 1,356 | 1 | 7,039 | 26 |
| 10 | Pahang | 7 | 0 | 7 | 0 | 310 | 1 | 2,013 | 6 |
| 11 | Terengganu | 1 | 0 | 0 | 0 | 31 | 0 | 276 | 0 |
| 12 | Kelantan | 5 | 0 | 1 | 0 | 136 | 0 | 3,030 | 5 |
| 13 | Sarawak | 7 | 0 | 8 | 0 | 263 | 0 | 1,226 | 2 |
| 14 | Sabah | 24 | 0 | 48 | 0 | 1,082 | 3 | 3,040 | 14 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 0 | 5 | 0 |
| | MALAYSIA | 420 | 0 | 508 | 0 | 17,122 | 10 | 66,199 | 109 |

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 32/2021
(8 Ogos hingga 14 Ogos 2021)**

| NO | NEGERI | DAERAH | LOKALITI | BIL KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|----|----------|---------------|--|---------|---------------------|
| 1 | SELANGOR | Petaling | E13. USJ 11/3 | 15 | 74 |
| 2 | SELANGOR | Petaling | E5. Sek U5 (Subang Murni Teres : Jalan U5/140 - 162) | 12 | 61 |
| 3 | SELANGOR | Petaling | E13. Tmn Perindustrian Sime UEP Subang (Jln Tp) | 24 | 60 |
| 4 | WPKL | W/P Putrajaya | Presint 9 - Fasa 12 - Blok 12a1-12a3 | 20 | 58 |
| 5 | SELANGOR | Petaling | E16. Tmn Lestari Putra (Lep 4) | 31 | 58 |
| 6 | SELANGOR | Petaling | E13. USJ 2/2 | 18 | 47 |
| 7 | SELANGOR | Petaling | E14. Bt 13 Kg Kenangan | 7 | 46 |
| 8 | SELANGOR | Petaling | E14. USJ 16 (Sri Tanjung) | 16 | 45 |
| 9 | SELANGOR | Hulu Selangor | Apt Teratai TBR BB | 8 | 39 |
| 10 | SELANGOR | Petaling | E9. KT SS 2 (1) [Jln Ss 2/1-2/4, 2/4a,4b, 2/5-2/23, 2/25, 2/25a] | 9 | 37 |
| 11 | WPKL | Titivangsa | Desa Tun Hussein Onn (Blok G1-G5) | 6 | 36 |
| 12 | SELANGOR | Hulu Langat | Seksyen 3 Bandar Teknologi | 5 | 33 |
| 13 | SELANGOR | Hulu Langat | Flat Pandan Perdana | 4 | 33 |
| 14 | SELANGOR | Petaling | E8. BU SS 24 (2) [Jln SS 24/1 , 24/12 , 24/14 , 24/15 , 24/16 , 24/17] | 13 | 33 |
| 15 | SELANGOR | Hulu Langat | Appt City Heights Sungai Chua | 4 | 31 |
| 16 | SELANGOR | Petaling | E11. Sri PJU 1A PPRT 2 Blok (D,E,F) | 4 | 31 |

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 32/2021 (14 Ogos 2021)**

| BIL | NEGERI | DAERAH | BIL KES (Daerah) | BIL KES (Negeri) |
|-----|-----------------|-----------------------|------------------|------------------|
| 1. | Johor | Johor Bahru | 17 | 94 |
| | | Kluang | 1 | |
| | | Muar | 5 | |
| | | Segamat | 33 | |
| | | Tangkak | 38 | |
| 2. | Kedah | Baling | 4 | 122 |
| | | Kota Setar | 1 | |
| | | Kuala Muda | 90 | |
| | | Kulim | 22 | |
| | | Langkawi | 1 | |
| | | Sik | 4 | |
| 3. | Kelantan | Gua Musang | 1 | 22 |
| | | Kota Bharu | 5 | |
| | | Kuala Krai | 3 | |
| | | Pasir Mas | 1 | |
| | | Pasir Puteh | 1 | |
| | | Tanah Merah | 1 | |
| | | Tumpat | 10 | |
| 4. | Melaka | Alor Gajah | 3 | 26 |
| | | Jasin | 1 | |
| | | Melaka Tengah | 22 | |
| 5. | Negeri Sembilan | Seremban | 4 | 4 |
| 6. | Perak | Kinta | 9 | 176 |
| | | Kuala Kangsar | 30 | |
| | | Larut Matang & Selama | 28 | |
| | | Manjung | 109 | |
| 7. | Pulau Pinang | Barat Daya | 30 | 46 |
| | | SP Selatan | 1 | |
| | | SP Tengah | 2 | |
| | | SP Utara | 6 | |
| | | Timur Laut | 7 | |
| 8. | Selangor | Gombak | 23 | 132 |
| | | Hulu Langat | 48 | |
| | | Hulu Selangor | 1 | |
| | | Klang | 50 | |
| | | Petaling | 4 | |
| | | Sepang | 6 | |

| | | | | |
|-------------------------|-----------------|---------------|------------|-----|
| 9. | WP Kuala Lumpur | Cheras | 39 | 274 |
| | | Kepong | 99 | |
| | | Lembah Pantai | 37 | |
| | | Titiwangsa | 99 | |
| 10. | Perlis | Kangar | 1 | 1 |
| JUMLAH KUMULATIF | | | 897 | |